

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 FEBRUARI 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Majlis Teknologi Malaysia diwujudkan	Utusan Malaysia
2.	Penyampaian amanat	Utusan Malaysia
3.	MOSTI Fund scope expanded to include facilitation, Social Innovation	BERNAMA
4.	Tiga pelan perkukuh Keselamatan Siber Negara bermula 2015-2050 – Timbalan Menteri	BERNAMA
5.	Tiga pelan tangani keselamatan siber	Utusan Malaysia
6.	Strategi perangi serangan siber	Sinar Harian
7.	MOSTI draws up plans to strengthen Cyber Security from 2015 to 2050	BERNAMA
8.	Govt ready to top up PPRN aid	New Straits Times
9.	Cuaca panas berakhir hujung Mac	Sinar Harian
10.	Cuaca panas berakhir hujung Mac	KOSMO
11.	Cuaca panas diramal berakhir hujung Mac – Jabatan Meteorologi	BERNAMA
12.	Ambil langkah berjaga-jaga ketika cuaca panas – PM Najib	BERNAMA
13.	Enam empangan catat penurunan	KOSMO
14.	Waspada cuaca panas	Harian Metro
15.	Tiga negeri dijangka catat peningkatan suhu	Utusan Malaysia
16.	Hot weather expected till end-March	The Sun
17.	Met dept: Hot weather to ease by end of March	The Star

Iktiraf kerjaya teknologis, pendidikan teknik, vokasional

Majlis Teknologi Malaysia diwujudkan

Oleh LAUPA JUNUS
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 24 FEB.

USAHA Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mewujudkan Majlis Teknologi Malaysia (MBOT) bertujuan memberi pengiktirafan kepada kerjaya teknologis dan memperkasa pendidikan teknik dan vokasional di negara ini.

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, usaha ke arah itu kini sudah dimulakan dengan pembentangan Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 di Parlimen, Disember tahun lalu dan bacaan seterusnya pada bulan depan bagi memberi laluan kepada penubuhan MBOT.

"Tujuan kita dengan mewujudkan MBOT ini adalah bagi memperkasa pendidikan teknik dan mengiktiraf juruteknik yang kini jumlahnya

hampir 300,000 orang," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan amanat sempena perhimpunan warga kementerian itu di sini hari ini yang turut dihadiri timbalannya Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.



EWON EBIN

Menurutnya, apabila menjadi kenyataan kelak, MBOT berfungsi menyediakan laluan kerjaya kepada kumpulan sasar tersebut, sekali gus menjadikan mereka sebagai profesional yang diiktiraf.

"Kita dapati sesiapapun juga yang memilih bidang ini di universiti mengharapkan suatu kerjaya yang cerah apabila tamat pengajian, tetapi perkara yang berlalu adalah sebaliknya kerana status mereka tidak jelas tanpa pengiktirafan dan perakuan daripada mana-mana badan profesional berkaitan," ujar beliau.

Justeru katanya, penubuhan MBOT amat ditunggu-tunggu oleh mereka,

apatah lagi ia bakal mewujudkan dua jawatan iaitu ahli teknologi atau PTech (teknologis profesional) dan kedua, juruteknik yang diberi gelaran Ctech (juruteknik yang diperakui).

"Dengan kata lain, badan ini akan memberi nafas baharu kepada juruteknik dan teknologis tersebut dan inilah usaha kami memantapkan fungsi dan peranan kementerian selaku peneraju agenda sains dan teknologi negara," ujarnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Ewon berkata, kementerian tersebut berjaya mencapai tahap petunjuk prestasi utama (KPI) 134 peratus pada tahun lalu susulan kejayaan menerima beberapa pengiktirafan dari dalam dan luar negara menerusi usaha dan kejayaan beberapa agensinya.

Beliau turut mengumumkan bahawa kementeriannya akan memperkenalkan dan mempromosi inovasi sosial sebagai salah satu elemen dalam peluasan dana MOSTI bermula pada tahun ini.

Dalam majlis tersebut, beliau turut menyampaikan hadiah dan sijil tiga program yang dianjurkan sebelum ini iaitu Program Bulan Bahasa Peringkat MOSTI, Sukarelawan Misi Bantuan Banjir dan Pencapaian KPI 2014.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 25 FEBRUARI 2015 (RABU)



**PENYAMPAIAN
AMANAT**

MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin (depan, tengah) bersama timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur bergambar bersama kakitangan kementerian dalam Majlis Penyampaian Amanat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di PICC, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED



Mosti Fund Scope Expanded To Include Facilitation, Social Innovation

PUTRAJAYA, Feb 24 (Bernama) -- [The research, development and commercialisation \(R&D&C\) fund scope of the Science, Technology and Innovation Ministry \(Mosti\) is expanded this year to include facilitation and social innovation activities, said its minister Datuk Dr Ewon Ebin.](#)

He said the science and pre-commercialisation funds, amounting to RM195 million would finance facilitation activities to help raise the awareness level on the commercial readiness of R&D products.

"The interpretation of social innovation does not only centred on R&D but can also be translated through experimenting methods and widening the people's channel and access as service users.

"As such, whenever an invention is made and it will really help the people, Mosti will buy the product and expose it to the public," he told reporters after delivering his address to his ministry's staff here Tuesday.

In line with the 2015 Budget allocation, Ewon said the ministry targeted 360 high impact innovation products to be commercialised by 2020.

He said social innovation approach was very different from the 'Innovation Trail' that only emphasised on innovative product search to be used as exhibition items.

"For example Tuhau, a type of wild plant in Sabah initially categorised as a sour and spicy 'ulam' is now being diversified and innovated according to the current taste buds," he said.

In another development, Ewon said the Malaysian Technologists Council (MBOT) would be set up this year to give recognition to the careers of technologists and empower technical and vocational education (TEVT) as a skilled profession in Malaysia.

He said MBOT would be tasked with setting up trainings and teaching syllabus to enable 300,000 technicians and technologists to be recognised as professionals.

-- BERNAMA



Tiga Pelan Perkukuh Keselamatan Siber Negara Bermula 2015-2050 - Timbalan Menteri

MELAKA, 24 Feb (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) telah merangka tiga pelan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi memperkukuh keselamatan dan melindungi ruang siber negara bermula tahun ini sehingga 2050.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata pendekatan itu juga bertujuan melindungi pengguna daripada menjadi mangsa siber serta menangani isu keselamatan siber yang dilaporkan meningkat kepada 11,918 kes tahun lepas berbanding 10,636 kes tahun 2013.

Beliau berkata antara pendekatan jangka pendek (2015-2020) adalah memperkukuh pemboleh keselamatan siber sedia ada antaranya termasuk mencari kaedah akses yang selamat, memperkenalkan e-forensik, sistem integriti, mewujudkan hubungan amanah dan sistem ketersediaan tinggi.

"Dalam fasa ini juga kita akan menilai semula Strategi Keselamatan Siber Kebangsaan yang meliputi pendidikan dasar selain memberi tumpuan pada input dan penglibatan antara industri, ahli akademik dan wakil rakyat.

"Kerjasama antarabangsa juga merupakan fokus utama dalam pelan jangka pendek kerana kebanyakan jenayah siber berlaku merentasi sempadan dan kita berharap jalinan yang diwujudkan akan memastikan isu keselamatan siber global dapat ditangani dengan baik," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani nota kerjasama antara Politeknik Merlimau Melaka dan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd di sini Selasa.

Nota kerjasama tersebut bertujuan menyediakan latihan industri yang kompeten bagi memberi pendedahan dan pendidikan kepada pelajar Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti politeknik berkenaan.

Abu Bakar berkata tumpuan akan turut diberikan bagi membangunkan tenaga manusia dalam bidang siber termasuk mewujudkan reka bentuk makmal yang selamat dan pensijilan keselamatan ruang siber.

Selain itu, usaha akan dilakukan bagi memperkukuh program inovasi dan pengkomersialan keselamatan siber serta penyelidikan dan latihan berkaitan data dan keselamatan siber bagi pelan jangka sederhana bermula 2021 hingga 2035, katanya.

Beliau berkata peruntukan yang besar akan diberikan bagi menjalankan penyelidikan dan latihan berkaitan data agar sistem keselamatan siber negara berada pada tahap selamat.

Katanya pelan jangka panjang (2036-2050) pula akan meliputi aspek jaminan data dan hab e-dagangan bagi memastikan ekonomi pintar dan model ekonomi digital baharu dapat diwujudkan.

Dalam perkembangan lain, Abu Bakar Mosti telah membelanjakan RM724.2 juta meliputi dana penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan bagi meluluskan 1,555 projek dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

"Dalam tempoh itu juga, sebanyak 356 projek telah berjaya disiapkan manakala 240 produk berpotensi untuk dikomersialkan," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 25 FEBRUARI 2015 (RABU)



DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) menyaksikan Zolkarnain Jobshi (dua dari kanan) dan Mazli Mohamed (dua dari kiri) bertukar dokumen selepas majlis menandatangani nota kerjasama antara Politeknik Merlimau Melaka dengan PMM dan Rangkaian Hotel Seri Malaysia di Ayer Keroh, Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHAD

Tiga pelan tangani keselamatan siber

MELAKA 24 Feb. - Kerajaan telah merancang tiga pelan pembangunan bagi meningkatkan tahap keselamatan siber berikutan peningkatan kadar jenayah itu yang dilaporkan di seluruh negara sejak kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pelan pembangunan tersebut dibahagikan kepada tiga fasa iaitu pelan jangka pendek yang akan dilaksanakan mulai tahun ini sehingga 2020, pelan jangka sederhana mulai 2021 hingga 2035 dan pelan jangka panjang (2036 hingga 2050).

Menurut beliau, pelan keselamatan siber untuk jangka pendek akan melibatkan usaha mengukuhkan pemboleh keselamatan siber sedia ada iaitu akses selamat, e-Forensik, sistem integriti, hubungan amanah, sistem kesediaan tinggi dan rangkaian pengawasan, pem-

baikan dan pemulihan.

Selain itu kata beliau, kerajaan juga akan menilai semula Strategi Keselamatan Siber Kebangsaan dengan memasukkan modul itu dalam pendidikan dasar di negara ini.

"Kerajaan juga akan mengkaji input dan penglibatan antara industri, ahli akademik dan wakil-wakil rakyat dalam mengukuhkan keselamatan siber untuk pelan jangka pendek ini. Selain itu kita juga akan meningkatkan kerjasama antarabangsa, memastikan rentas sempadan dan ciri-ciri keselamatan siber global ditangani secara logik.

"Kita juga akan mengkaji peluang untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk kerajaan, industri dan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis menandatangani nota kerjasama penempatan pelajar untuk

menjalani latihan praktikal antara Politeknik Merlimau Melaka, dan Rangkaian Hotel Seri Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah PMM, Mejar(K), Zolkarnain Jobshi, Timbalan Ketua Pengarah Operasi (Strategik) Jabatan Pengajian Politeknik, Shabudin Man dan Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd., Mazli Mohamed.

Semalam dalam satu majlis di ibu negara, Abu Bakar meminta pengguna Internet di negara ini supaya diberi pendedahan serta mempunyai pengetahuan mencukupi mengenai keselamatan dan pertahanan siber.

Menurut beliau, kewujudan ancaman serta serangan siber berpotensi menjejaskan hasrat kerajaan untuk memacu Malaysia ke arah sebuah negara berstatus maju dan berpendapatan tinggi.

Strategi perangi serangan siber

AYER KEROH - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menggariskan tiga kaedah jangka pendek, sederhana dan panjang bermula tahun ini sehingga 2050 untuk memerangi serangan siber di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, langkah jangka pendek yang mula dilaksanakan tahun ini sehingga 2020 menetapkan enam kaedah antaranya menyediakan semula strategi keselamatan siber kebangsaan dan melakukan kerjasama antarabangsa.

Menurutnya, ciri-ciri keselamatan untuk menangani jenayah siber yang merentasi



Abu Bakar (tengah) menyaksikan Majlis Menandatangani Nota Kerjasama PPM dan RHSM, semalam.

sempadan global amat perlu, antaranya menerusi penyediaan dokumen aktif untuk mengurangkan evolusi berterusan serangan selain

memperkukuhkan kerjasama antarabangsa.

"Kerjasama antarabangsa perlu diperkuatkan dan inisiatif antara sektor pembangunan

tenaga manusia dalam jangka sederhana akan dilaksanakan bermula 2021 hingga 2035 yang antaranya merangka keselamatan rekabentuk makmal.

"Rekabentuk makmal sekarang tidak sesuai untuk generasi akan datang dan pensijilan keselamatan ruang siber perlu dilakukan selain melaksanakan ekonomi keselamatan siber serta menyediakan peluang latihan dan penyelidikan berkaitan hal ini," katanya kepada media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Politeknik Merlimau (PPM) dengan Rangkaian Hotel Seri Malaysia (RHSM) di sini, semalam.



MOSTI Draws Up Plans To Strengthen Cyber Security From 2015 To 2050

MELAKA, Feb 25 (Bernama) -- [The Ministry of Science, Technology and Innovation \(MOSTI\)](#) has drawn up short-, mid-, and long-term plans in efforts to strengthen the security and protect the nation's cyberspace from this year till 2050.

[Its deputy minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) said the approach was also made to protect users from becoming victims of cyber crimes as well as to overcome cyber security issues which were reported to have increased to 11,918 cases last year, compared to 10,636 cases in 2013.

He said one of the short-term approaches (2015-2020) which will be emphasised was to strengthen the current cyber security enablers, among them finding safer access methods, introducing e-forensics, integrity systems, creating trust relationships and high availability systems.

"During this phase as well we will re-evaluate the National Cyber Security Policy which covers basic education, besides paying attention to input and involvement between industries, academicians, and elected representatives.

"International collaboration is also a primary focus in the short-term plan because most of the cyber crimes which occur are across the borders and we hope that the ties created would ensure that global cyber security issues are handled properly," he told reporters after witnessing the signing of a cooperation agreement between Politeknik Merlimau Melaka and Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd here today.

The cooperation agreement was to prepare competent industrial training in efforts to provide exposure and educate students of the Department of Tourism and Hospitality.

Commenting further, Abu Bakar said focus would be given to developing human capital in the cyber field including creating a secure laboratory design and cyberspace security certification.

In addition, efforts to strengthen innovation programs and commercialisation of cyber security as well as research and exercises relating to data and cyber security according to mid-term plans will be done from 2021-2035.

He said a large allocation would also be made to carry out research and data related exercises so that the country's cyber security system remains at a secure level.

He said the long-term plan (2036-2050) would cover aspects of data security and e-commerce hubs to ensure that a smart economy and new digital economy model could be established.

In another development, he said MOSTI had spent RM724.2 million comprising research, development and commercialisation funds to approve 1,555 projects in the 10th Malaysia Plan.

"During the same period, 356 projects were completed while 240 products had potential to be commercialised," he said.

-- BERNAMA

PRIME NEWS

Govt ready to top up PPRN aid

INNOVATION DRIVE: RM50m already
allocated to boost firms' competitiveness

AZURA ABAS
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE government is prepared to top up the RM50 million allocation for efforts to boost companies' competitiveness through innovation undertaken by universities via the Public-Private Research Network (PPRN) platform.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, who is also finance minister, however, did not state the additional amount that would be allocated should the efforts show promising results in boosting products and productivity.

"I announced the RM50 million

allocation in the 2015 Budget to fund such efforts, and through PPRN, the government will provide a matching grant of up to RM50,000 for every project.

"Even the researchers and lecturers involved will get 25 per cent in consultation fees from the overall cost of research," he said at the launch of PPRN here yesterday.

Present were Second Education Minister Datuk Seri Idris Jusoh, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Abdul Wahid Omar and Bank Negara Malaysia governor Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

PPRN is spearheaded by the Education Ministry in collaboration with the Malaysian Technology De-



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak viewing the model of a house at an exhibition after the launch of PPRN in Putrajaya yesterday. Pic by Mohd Fadli Hamzah

velopment Corporation.

It is among the initiatives to raise productivity and strengthen Malaysia's economic development through innovation and commercialisation programmes in a knowledge-friendly ecosystem.

Najib said he believed PPRN was a game changer, as it utilised the brains in the academic world to provide solutions that could boost companies' productivity gains.

Such an initiative was implemented to assist companies, es-

pecially those of small and medium entrepreneurs, in making full use of innovation to boost competitiveness, he said.

He said the government was aware that small and medium enterprises had limited funds to form their own innovation units.

"Those in the academic sector may have limited ability to commercialise their products, since it is not their (core) business."

Najib said one could lose out if one failed to embrace innovation.

He said Malaysia must produce distinct products that are of high value and are highly sought.

"Such products use high technology to add value. Look at the iPhone.

"Buyers are willing to sleep by the roadside and pay a big sum to ensure they are among the first to own the latest model."

Najib said he believed that the country could be a highly competitive nation, as it had the innovation to position itself ahead.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12
TARIKH: 25 FEBRUARI 2015 (RABU)

Cuaca panas berakhir hujung Mac

PUTRAJAYA - Cuaca panas dan kering yang kini dialami kebanyakan kawasan di dalam negara, merupakan fenomena fasa akhir musim tengkujuh dan diramal berlaku sehingga penghujung Mac, kata **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail.**

"Kini penghujung Monsun Timur Laut yang menyebabkan kebanyakan kawasan kurang menerima hujan dalam tempoh yang panjang, sekali gus menjurus kepada berlakunya cuaca panas dan kering," katanya selepas menghadiri Majlis Penyampaian Amanat 2015 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin di sini, semalam.

Che Gayah berkata, keadaan cuaca sekarang belum mencapai tahap 'gelombang panas' dan masih dikategorikan sebagai normal.

Ditanya sama ada suhu cuaca panas dan kering berbeza berbanding tahun lepas, beliau berkata: "Saya tidak nampak banyak perbezaan. Kalau suhu adalah tolak campur tiga darjah celsius, ia adalah normal."

Suhu di Malaysia ketika ini ialah sekitar 33 hingga 35 darjah Celcius.

Che Gayah berkata, musim peralihan monsun akan bermula menjelang bulan April sehingga pertengahan Mei, yang mana negeri-negeri pantai barat Semenanjung akan mengalami cuaca lebih lembap dan ribut petir di sebelah tengah hari dan petang.

Katanya, keadaan cuaca hujan lebat dan ribut petir tersebut adalah biasa sebelum berlakunya monsun Barat Daya yang bermula Jun sehingga September, yang akan menyebabkan negara menjadi kering dan dilanda jerebu. -Bernama



Para pelancong mengambil kesempatan melawat monumen Tugu Negara walaupun dalam keadaan cuaca yang meningkat panas, semalam.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (CUACA) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 25 FEBRUARI 2015 (RABU)

Fenomena dialami belum mencapai 'gelombang panas', masih dikategorikan normal

Cuaca panas berakhir hujung Mac

PUTRAJAYA - Cuaca panas dan kering yang kini dialami kebanyakan kawasan di dalam negara, merupakan fenomena fasa akhir musim tengkujuh dan diramal berlaku sehingga penghujung Mac, kata Ketua Pengarah **Jabatan Meteorologi Malaysia**, Datuk Che Gayah Ismail (**gambar kecil**).

"Kini penghujung Monsun Timur Laut yang menyebabkan kebanyakan kawasan kurang menerima hujan dalam tempoh yang panjang, sekali gus menjurus kepada berlakunya cuaca panas dan kering," katanya yang ditemui selepas menghadiri majlis penyampaian amanat tahun 2015 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin di sini semalam.

Che Gayah berkata, keadaan cuaca ketika ini belum mencapai tahap 'gelombang panas' dan masih dikategorikan sebagai normal.

Ditanya sama ada suhu cuaca panas dan kering berbeza berbanding tahun lepas, beliau berkata:

"Saya tidak nampak banyak perbezaan. Kalau suhu adalah tolak campur tiga darjah Celsius, ia adalah normal."

Suhu di Malaysia ketika ini ialah

sekitar 33 hingga 35 darjah Celcius.

Che Gayah berkata, musim peralihan monsun akan bermula menjelang bulan April sehingga pertengahan Mei, yang mana negeri-negeri di pantai barat Semenanjung akan mengalami cuaca lebih lembap dan ribut petir pada tengah hari dan petang.

Katanya, keadaan cuaca hujan lebat dan ribut petir tersebut adalah biasa sebelum berlakunya monsun Barat Daya yang bermula pada bulan Jun sehingga September, yang akan menyebabkan negara menjadi kering dan dilanda jerebu.

Che Gayah menjelaskan, Jabatan Meteorologi hanya akan melakukan pembenihan awan apabila tahap jerebu berada pada kategori yang membahayakan kesihatan rakyat mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan.

"Jabatan Meteorologi sentiasa sedia melakukan pembenihan awan dengan syarikat penerbangan swasta bagi mengatasi masalah ini. Ada kalanya, operator empangan turut melaksanakan pembenihan awan untuk meningkatkan paras air. Sekiranya mereka meminta bantuan, kita sedia membantu," katanya. - Bernama



DUA wanita terpaksa menutup kepala mereka ekoran cuaca panas ketika melalui kawasan bangunan KLCC, Kuala Lumpur semalam.



Cuaca Panas Diramal Berakhir Hujung Mac - Jabatan Meteorologi



PUTRAJAYA, 24 Feb (Bernama) -- Cuaca panas dan kering yang kini dialami kebanyakan kawasan di dalam negara, merupakan fenomena fasa akhir musim tengkujuh dan diramal berlaku sehingga penghujung Mac, kata [Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail](#).

"Kini penghujung Monsun Timur Laut yang menyebabkan kebanyakan kawasan kurang menerima hujan dalam tempoh yang panjang, sekali gus menjurus kepada berlakunya cuaca panas dan kering," katanya yang ditemui pemberita selepas menghadiri [Majlis Penyampaian Amanat 2015 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin](#) di sini hari ini.

Che Gayah berkata keadaan cuaca sekarang belum mencapai tahap 'gelombang panas' dan masih dikategorikan sebagai normal.

Ditanya sama ada suhu cuaca panas dan kering berbeza berbanding tahun lepas, beliau berkata: "Saya tidak nampak banyak perbezaan. Kalau suhu adalah tolak campur tiga darjah celsius, ia adalah normal."

Suhu di Malaysia ketika ini ialah sekitar 33 hingga 35 darjah Celcius.

Che Gayah berkata musim peralihan monsun akan bermula menjelang bulan April sehingga pertengahan Mei, yang mana negeri-negeri pantai barat Semenanjung akan mengalami cuaca lebih lembap dan ribut petir di sebelah tengahari dan petang.

Katanya keadaan cuaca hujan lebat dan ribut petir tersebut adalah biasa sebelum berlakunya monsun Barat Daya yang bermula Jun sehingga September, yang akan menyebabkan negara menjadi kering dan dilanda jerebu.

Che Gayah berkata Jabatan Meteorologi hanya akan melakukan pembenihan awan apabila tahap jerebu berada pada kategori bahaya kesihatan rakyat mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP).

"Jabatan Meteorologi sentiasa sedia melakukan pembenihan awan dengan syarikat penerbangan swasta bagi mengatasi masalah ini. Ada kalanya, operator empangan juga melaksanakan pembenihan awan untuk meningkatkan tahap air. Sekiranya mereka meminta bantuan, kita sedia membantu," katanya.

-- BERNAMA



Ambil Langkah Berjaga-jaga Ketika Cuaca Panas - PM Najib

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menasihati orang ramai supaya mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak daripada penyakit berkaitan kepanasan ketika cuaca panas yang bakal melanda negara tidak lama lagi.

"Musim panas berpanjangan dijangka akan melanda negara tidak lama lagi, dan saya harap anda semua akan mengambil langkah berjaga-jaga untuk kekal sihat dan mengelakkan diri daripada penyakit berkaitan kepanasan," katanya dalam catatan terbaharunya di laman Facebook dan Twitter.

Beberapa kawasan dalam negara kini mengalami cuaca panas dan kering yang merupakan fenomena fasa akhir musim tengkujuh dan keadaan itu diramal berlaku sehingga penghujung Mac.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail, keadaan cuaca sekarang belum mencapai tahap 'gelombang panas' dan masih dikategorikan sebagai normal.

Suhu di Malaysia ketika ini adalah sekitar 33 hingga 35 darjah Celcius.

-- BERNAMA

Enam empangan catat penurunan

» SPAN arah kerajaan negeri siap sedia, pantau bacaan paras air

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof,
Muhammad Yusri Muzamir
dan Akmal A Manaf
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Enam empangan di lima negeri mula mencatatkan penurunan air hingga berbaki hanya 20 peratus ketika ini akibat cuaca panas yang melanda negara, sekali gus boleh menjejaskan bekalan air di kawasan terbabit.

Penurunan itu mencatatkan bacaan berada pada paras bahaya dan tindakan alternatif bagi membendung masalah itu perlu dilaksanakan secepat mungkin.

Empangan Gemencheh, Negeri Sembilan mencatatkan penurunan 79.6 peratus manakala Empangan Mengkuang, Pulau Pinang (65.4 peratus); Empangan Teriang, Pahang (65.2 peratus); Empangan Sungai Lebam Johor

(50.8 peratus); Empangan Sungai Layang, Johor (43.8 peratus) dan Empangan Padang Saga, Kedah (47.2 peratus).

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Ismail Kassim berkata, pihaknya sudah mengarahkan syarikat konsesi air di setiap negeri memantau bacaan paras di empangan sebagai persediaan menghadapi musim panas.


Selain itu, katanya, kerajaan negeri bertanggungjawab memastikan bekalan air di negeri masing-masing mencukupi agar tidak berlaku gangguan sepanjang musim berkenaan.

"Saya mencadangkan kerajaan negeri menggunakan alternatif seperti air bawah tanah dan kolam takungan bagi menambah kuantiti sumber air sedia ada, selain persediaan sekiranya pengurangan paras air berterusan.

"SPAN juga akan melakukan beberapa langkah lain antaranya pembenihan awan bagi menghasilkan hujan, sekiranya cuaca panas berlanjutan bagi suatu tempoh yang lama," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Empangan Sungai Lebam bawah paras kritikal

Di Johor Bahru, SAJ Holdings



Tinjauan paras air di kawasan tadahan Empangan Sungai Selangor Kuala Kubu Bharu kelihatan **mulai surut akibat cuaca panas melampau yang melanda Malaysia.**

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

Sdn Bhd (SAJ) memaklumkan Empangan Sungai Lebam antara kawasan tadahan air yang dikenali pasti mengalami kemerosotan dengan bacaan terkini 11.75 meter iaitu di bawah paras kritikal 12.27 meter.

"Empangan berkenaan menyalurkan air mentah ke loji Sungai Lebam untuk penduduk di kawasan Sungai Rengit, Belungkor, Gugusan Adela, Pengerang, Bandar Penawar, Sungai Mas, Gugusan

san FELDA Air Papan dan Air Tawar 5," katanya menerusi kenyataan, semalam.

SAJ berkata, di Muar, fenomena cuaca kering dan air pasang yang sedang berlaku di Sungai Muar, mengubah kualiti air sungai terbabit terutama di hulu.

"Sekiranya kedua-dua fenomena ini berterusan, berkemungkinan air laut masuk ke muka sauk loji rawatan air di sepanjang sungai terbabit akan mengakibatkan

kan sebahagian Muar mengalami masalah bekalan air dari segi jumlah dan mutu," katanya.

Kelmarin, BH melaporkan, cuaca panas dan kering dengan kadar hujan yang rendah melanda negara, dijangka berterusan hingga awal April depan. Ia berikutan, Malaysia kini berada pada peringkat akhir musim Monsun Timur Laut sebelum memasuki musim panas antara Mac hingga April.

Cuaca panas hingga hujung Mac

Di Putrajaya, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail, berkata cuaca panas dan kering yang kini dialami kebanyakan kawasan di dalam negara adalah fenomena fasa akhir musim tengkujuh dan diramal berlaku sehingga penghujung Mac.

"Kini penghujung Monsun Timur Laut menyebabkan kebanyakan kawasan kurang menerima hujan dalam tempoh yang panjang, sekali gus menjurus kepada berlakunya cuaca panas dan kering," katanya selepas menghadiri Majlis Penyampaian Amanat 2015 oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin di sini, semalam.

Waspada cuaca panas

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menasihati orang ramai supaya mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak daripada penyakit berkaitan kepanasan ketika cuaca panas yang bakal melanda negara nanti.

"Musim panas berpanjangan dijangka akan melanda negara tidak lama lagi dan saya harap anda semua akan mengambil langkah berjaga-jaga untuk kekal sihat dan mengelakkan diri daripada penyakit berkaitan kepanasan," katanya dalam catatan terbarunya di laman Facebook dan Twitter.

Beberapa kawasan dalam negara kini mengalami cuaca panas dan kering yang juga fenomena fasa akhir musim tengkujuh dan keadaan itu diramal berlaku sehingga penghujung Mac.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail, keadaan cuaca sekarang belum mencapai tahap 'gelombang panas' dan masih dikategorikan sebagai normal.

Suhu di Malaysia ketika ini adalah sekitar 33 hingga 35 darjah Celcius. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 25 FEBRUARI 2015 (RABU)

Tiga negeri dijangka catat peningkatan suhu

KUALA LUMPUR 24 Feb. - Suhu di Perak, Kedah dan Perlis dijangka mencecah 38 darjah Celsius atau menjadi lebih panas pada Mac dan April ini berikutan kedudukan matahari berada dalam keadaan menegak dan tepat di atas garisan Khatulistiwa.

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, **Jabatan Meteorologi**, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, setakat ini suhu maksimum dicatatkan adalah 36 darjah Celsius dan bacaan tersebut sebenarnya biasa direkodkan sepanjang tahun.

Buat masa ini katanya, tidak berlaku Ekuinoks seperti yang diperkatakan kerana fenomena itu dijangka terjadi pada 21 Mac apabila matahari berada tepat di atas garisan Khatulistiwa ketika bergerak dari hemis-

fera selatan ke hemisfera utara.

"Menjelang penghujung Mac, matahari akan berkedudukan tegak dan situasi ini boleh mengakibatkan suhu di negara kita terus meningkat serta mencapai kemuncak pada penghujung Mac dan awal April.

"Kebiasaannya, suhu di tiga negeri iaitu Perak, Kedah dan Perlis adalah lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain yang dijangka mencapai 38 darjah Celsius dalam tempoh tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Beberapa stesen meteorologi hari ini mencatatkan suhu maksimum iaitu Chuping, Perlis, 36 darjah Celsius diikuti Alor Setar, Kedah (35 darjah Celsius) dan Temerloh, Pahang serta Kuala Krai, Kelantan

(34 darjah Celsius).

Dalam pada itu, Mohd. Hisham berkata, walaupun suhu dijangka mencatatkan peningkatan pada penghujung Mac dan April, keadaan tersebut akan beransur menjadi kembali normal pada Mei.

"Buat masa ini, keadaan cuaca adalah panas dan kering disebabkan negara berada di fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada penghujung Mac. Sepanjang tempoh ini, taburan hujan sangat kurang terutamanya di negeri-negeri utara dan Pantai Timur Semenanjung.

"Oleh itu, kita menasihati orang ramai supaya mengurangkan aktiviti luar kerana cuaca panas boleh mengundang pelbagai masalah berkaitan kesihatan," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 6
TARIKH: 25 FEBRUARI 2015 (RABU)

Hot weather expected till end-March

PUTRAJAYA: The current hot and dry spell in many areas is expected to abate by the end of March, said **Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail.**

"It is now the tail end of the northeast monsoon, which causes many areas to receive less rain over an extended period, leading to the hot and dry weather," she said yesterday.

Che Gayah said the current weather condition had not reached the "heatwave" level and is still categorised as normal, with 30% rainfall on the average.

She said there is not much difference in the temperature this year compared to last year, with a variant of about three degrees Celcius. The country's temperature is currently between 33 and 35 degrees Celcius.

She said the inter-monsoon season will start in April, and last until mid-May when states in the peninsula would experience wet weather, with thunderstorms in the afternoon and evening. – Bernama

Met dept: Hot weather to ease by end of March

PUTRAJAYA: The hot and dry spell experienced in many areas now is in the final phase of the monsoon season which is expected to subside by the end of March, said Meteorological Department director-general Datuk Che Gayah Ismail.

"It is now the tail end of the north-east monsoon which causes many areas to receive less rain over an extended period, leading to the hot and dry weather," she said when attending the Science, Technology and Innovation Minister's gathering here yesterday.

Che Gayah said the current weather condition had not reached the "hot wave" level and was still categorised as normal with 30% rainfall based on the long-term average.

Asked if the temperature of the hot and dry weather was different from last year, she said there was not much difference with the temperature varying over 3°C.

The peak daily temperature in Malaysia is currently between 33°C and 35°C.

Che Gayah said the inter-monsoon season would start in April until mid-May, when states in the peninsula would experience wet weather with thunderstorm in the afternoon and evening. — Bernama